

Apakah kesan sampingan rawatan ortodontik?

Sekiranya penjagaan kesihatan pergigian dan arahan pemakaian aplians diabaikan, anda mungkin mengalami kesan sampingan berikut:

- ✓ Kerosakan Gigi
- ✓ Penyakit Gusi
- ✓ Gigi kembali tidak teratur atau relaps

Untuk mengurangkan kesan sampingan tersebut, pastikan anda mematuhi arahan yang diberi, jaga kebersihan gigi dan pakai aplians dengan baik.

Pastikan rawatan ortodontik anda berjaya ...

- Tepati temuan yang telah diberikan
- Ikut nasihat oleh Pakar Ortodontik



Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
MOH/K/GIG/9.2007(PT)



Rawatan Ortodontik



Sebelum Rawatan



Selepas Rawatan

Menyusun Gigi Menjadi Lebih Teratur

Gigi yang teratur dapat berfungsi dengan lebih baik dan mudah dibersihkan. Anda juga mampu senyum dengan lebih yakin.

Kenapa gigi menjadi tidak teratur?

Masalah gigi tidak teratur mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

- Faktor keturunan
- Saiz tulang rahang dan gigi yang tidak seimbang
- Bentuk gigi yang tidak normal
- Kehilangan awal gigi susu atau gigi kekal
- Tabiat yang tidak baik seperti menghisap jari

Apa Itu rawatan ortodontik?

Rawatan ortodontik merawat masalah gigi yang bertindih, terpusing, terkeluar menyucuk bibir atau jongang supaya susunan gigi menjadi lebih teratur.

Rawatan ortodontik mungkin melibatkan:

- Cabutan beberapa batang gigi jika perlu
- Pemakaian aplians ortodontik tetap atau yang boleh tanggal
- Rasa tidak selesa atau sakit semasa pemakaian aplians

Bilakah rawatan ortodontik boleh dimulakan?

Rawatan ortodontik boleh dipertimbangkan sebaik sahaja masalah susunan gigi dikesan. Kebanyakan masalah ini lebih mudah dirawat jika dikenal pasti lebih awal.

Berapa lama anda perlu memakai Aplians Ortodontik?

Jangka masa rawatan berkait rapat dengan kerumitan masalah susunan gigi yang dialami dan kerjasama pesakit. Purata tempoh rawatan adalah selama lebih kurang dua tahun.



Dimanakah rawatan ortodontik boleh diperolehi?

Beberapa klinik pergigian kerajaan dan swasta ada menyediakan rawatan ortodontik. Dapatkan pemeriksaan di klinik pergigian. Doktor pergigian akan merujuk anda ke Pakar Ortodontik sekiranya didapati anda memerlukan rawatan tersebut.

Di perkhidmatan kerajaan, keutamaan rawatan diberikan kepada murid-murid sekolah.

